

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 30 Disember 2019 11:50 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Perunding Muda Praktis Ilmu Bantu Usahawan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

30 DISEMBER 2019 / 3 JAMADILAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PERUNDING MUDA PRAKTIS ILMU BANTU USAHAWAN

UUM ONLINE: Perunding Muda Keusahawanan UUM (PEMKU), di bawah kursus Seminar Keusahawanan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) menyuntik semangat dalam membantu mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan membuka perniagaan sendiri suatu hari nanti.

Penyelaras kursus Seminar Keusahawanan, Prof. Madya Dr. Norashidah Hashim berkata, mereka terdiri daripada 65 pelajar semester 7 pelajar jurusan Keusahawanan yang perlu mempraktikkan pengetahuan keusahawanan yang mereka belajar di UUM dalam bentuk perundingan kepada usahawan PKS.

"Dengan adanya pelajar UUM dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat bagi perkembangan perniagaan Peniaga Kecil Sederhana (PKS) melalui intervensi *Service Learning Malaysia - University For Society* (SULAM). Jadi semua pihak mendapat manfaat bersama.

"Pensyarah menggunakan contoh kajian ini dalam perbincangan semasa pembelajaran di kuliah. Pelajar berkongsi pelbagai contoh melalui perkongsian pengalaman PKS yang digunakan," katanya.

Sementara itu, Najua Adila Zakaria berkata, pelajar diberikan tugas untuk menyumbang idea sambil mempelajari cara perniagaan yang dibuka oleh usahawan PKS Changlun.

Antaranya Butik KA Cute, Daud Grill, Mambo Bistro, Mee Udang Bawah Titi, Amy Motorworks, Foto Rainbow Digital, Kak Nab Ayam Cili, Tom Yam Petro, Jaguh Tom Yam, Tom Yam Susu dan Long Laksa Ikan Sekoq.

Ujarnya tugas yang dijalankan oleh pelajar dapat membentuk semangat keusahawanan dalam kalangan usahawan serta para perunding muda sekali gus membina jaringan sesama mereka.

"Walaupun mereka telah lama berniaga, mereka masih menerima pandangan dengan terbuka dan amat menghargai usaha yang telah diberikan pelajar.

“Daud Grill misalnya sebuah perniagaan yang menjadikan komuniti setempat sebagai sasaran utama pelanggan. Dengan strategi yang dijalankan oleh sekumpulan pelajar mempromosikan menu di laman sosial membantu meningkatkan jualan dan menarik perhatian pelajar UUM untuk datang ke restoran tersebut,” ujarnya.



Manakala Nurul Farina Ariffin, 23 mengakui pelajar sangat tertarik dengan perkongsian pengalaman usahawan yang amat berharga dan realistik.

“Sememangnya membuka perniagaan mempunyai risiko yang tidak diduga oleh itu, usahawan perlu mempunyai ilmu dan bersedia dengan apa sahaja halangan dan risiko yang dihadapi.

“Segelintir daripada pelajar ada yang telah membuka perniagaan sendiri jadi dengan maklumat dan perkongsian yang disampaikan sangat membantu mereka dan menaikkan semangat untuk mereka terus berniaga,” luahnya.

Sepanjang program ini tambahannya, mereka mencari klien di sekitar Changlun, menemu bual, membuat analisis persekitaran, mengadakan perbincangan kumpulan, menyelesaikan masalah dan mengadakan perundingan untuk intervensi.

Menurut Mohd Syafiq Firdaus Mohd Zamri, 23, *servis learning* untuk komuniti PKS yang dijalankan memberi pendedahan sebenar mengenai selok-belok perniagaan seperti mengenal pasti masalah dan cara menanganinya.

“Usaha yang sangat baik kerana melatih kami menggabungkan pengetahuan atau teori yang telah dipelajari selama 7 semester di UUM dan mengaplikasikannya dalam perniagaan sendiri kelak

“Kerjasama dan hubungan yang terjalin dengan pemilik perniagaan mewujudkan suasana yang begitu ceria dan menyenangkan kami bukan sahaja menimba pengalaman malah ukhuwah antara ahli kumpulan ketika menjalankan tugas dapat dieratkan,” ujanya.

Hasil daripada program ini, pelajar dapat menganalisis isu semasa yang dihadapi oleh usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana, mencadangkan penyelesaian kreatif dan inovatif bagi masalah yang dihadapi usahawan PKS serta melaksanakan strategi yang boleh membangunkan perniagaan PKS.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.